

12 DEC 1996

ADA USAHA GAGALKAN PENYERAHAN PERWAJA KEPADA MAJU HOLDINGS, KATA PM

KEMAMAN, 12 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terdapat satu usaha pihak tertentu untuk menggagalkan tindakan kerajaan menyerahkan syarikat besi waja Perwaja Steel Sdn Bhd, yang mengalami kerugian besar, kepada Kumpulan Maju Holdings.

Beliau berkata beliau membuat lawatan ke kompleks kilang Perwaja di Teluk Kalong di sini hari ini kerana ada dakwaan bahawa pengurusan dan pekerja kilang itu telah kehilangan semangat dan juga haluan.

"Saya dapati mereka (pekerja dan pengurusan) menunjukkan semangat tinggi dan (pekerja) gembira serta mempunyai keyakinan terhadap pengurusan yang baru dan dakwaan itu nampak tidak ada asas sama sekali," kata beliau pada persidangan berita selepas lawatan singkatnya itu. Yang turut hadir Pengerusi Eksekutif Maju Holdings Abu Sahid Mohamed dan Ketua Pegawai Eksekutif Perwaja Abu Talib Mohamed.

Perdana Menteri berkata beliau puas hati dengan pengurusan baru yang mengambil alih Perwaja kira-kira enam bulan lepas dan mereka telah menunjukkan banyak kemajuan.

"Kos pengeluaran telah menurun dan pengeluaran meningkat kepada satu rekod. Begitu juga mutu ... kadar bahan pengeluaran yang ditolak telah dikurangkan daripada 14 peratus kepada kira-kira satu peratus," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata bahagian pembaikan dan fabrikasi yang dulu dibiarkan begitu sahaja telah dapat mengeluarkan peralatan yang jika dibeli berharga RM600,000 tetapi cuma RM200,000 dikeluarkan sendiri.

"Pencapaian-pencapaian ini bukan kerana pengurusan mengambil langkah berjimat tetapi mereka yang mengendalikannya tahu apa yang dilakukan," katanya.

Perwaja kini diuruskan sementara oleh Equal Concept Sdn Bhd yang 51 peratus sahamnya dimiliki Maju Holdings dan bakinya dipegang oleh kerajaan. Kumpulan Lion sebelum itu diberikan ekuiti 30 peratus dalam syarikat itu tetapi ia menolak tawaran itu.

Mengenai penswastaaan Perwaja, Perdana Menteri berkata keputusan itu dijangka dapat dibuat sebelum hujung bulan ini.

Katanya kerajaan masih berunding dengan Maju Holdings untuk menentukan syarat-syarat pengambilalihan.

"Ia (rundingan) agak kompleks sedikit kerana siapa juga yang mengambil alih bukan sahaja perlu tahu tentang industri besi waja tetapi juga akan menanggung beban hutang yang besar," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri juga masih berunding dengan beberapa pihak lain yang berminat menyertai Maju Holdings.

Beliau berkata Kumpulan Lion masih berminat (untuk mengambil alih Perwaja) tetapi kerajaan mahu supaya Maju Holdings mengetuainya.

"Saya sudah bercakap dengan (Pengerusi Kumpulan Lion) Willian Cheng dan dia sedia membantu sama ada dari segi kepakaran atau latihan dan sedia mengambil ekuiti tetapi dia hendak peranan yang lebih besar," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata kerajaan juga mahu memegang terus saham dalam syarikat itu.

Semasa ditanya pemberita sama ada kerajaan akan memberi pinjaman mudah kepada Maju Holdings, Dr Mahathir berkata perkara itu belum dibincangkan.

Beliau berkata kerajaan tidak memberi pinjaman dengan mudah tetapi

dalam kes-kes tertentu ia sedia menyokong.

Mengenai siasatan terhadap dakwaan penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan dalam Perwaja sebelum ini yang membabitkan kira-kira RM2.5 bilion, Perdana Menteri berkata perkara itu masih disiasat.

"Saya tidak akan menuduh atau mengecam sesiapa sehingga menerima laporan penuh," kata beliau.

Katanya Perwaja telah menanggung kerugian dan dalam mana-mana juga syarikat yang rugi, pihak pengurusan terpaksa pergi.

"Tidak ada sesiapa mengekalkan pengurusan dalam syarikat yang rugi," katanya. -- BERNAMA

SBJ AHH/sia